



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (98)dlm.JK/MA 16  
Jld. (iii)

Tarikh: 16 Mac 1999

Hakim Kanan/Hakim  
Mahkamah Sesyen

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi

Majistret  
Mahkamah Majistret



Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 1999**  
**Larangan Membawa Masuk Telefon Bimbit**  
**ke Dalam Bilik Perbicaraan Mahkamah**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah didapati sejak kebelakangan ini banyak aduan diterima daripada Mahkamah menyatakan perbicaraan sering diganggu dengan deringan-deringan telefon bimbit daripada peguam, orang awam dan juga litigan-litigan. Gangguan yang tidak diingini ini boleh mengganggu perjalanan sesuatu prosiding dan melambatkan penyelesaian kes-kes di mahkamah.

3. Sehubungan dengan itu adalah diputuskan telefon bimbit dilarang sama sekali dibawa masuk ke dalam bilik perbicaraan. Notis mengenai larangan ini hendaklah dipamerkan di pintu masuk bilik perbicaraan atau tempat-tempat yang mudah dilihat dan dibaca oleh orang ramai. Disamping itu, setiap mahkamah perlu berbincang dan membuat perkiraan dengan pihak polis atau pengawal yang bertugas di pintu masuk bilik perbicaraan mahkamah masing-masing untuk melaksanakan arahan ini sebaik mungkin. (Panduan dilampirkan di Lampiran)

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

- 2 -

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



( **DATUK RAMLY BIN HAJI ALI** )  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Y.B. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
Bangunan Bank Rakyat  
Jalan Tangsi  
50512 Kuala Lumpur.

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
93506 Kuching  
Sarawak.

- 3 -

Y.Bhg. Peguamcara Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
Bangunan Bank Rakyat  
Jalan Tangsi  
50512 Kuala Lumpur.

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur.

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
93506 Kuching  
Sarawak.

Majlis Peguam  
No. 5 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur.

Sabah Law Association  
3rd Floor, Gaya Street  
Kota Kinabalu, W.D.T. 413  
88767 Kota Kinabalu  
Sabah.

Advocates Association of Sarawak  
The Bar Room  
c/o Judicial Department  
93506 Kuching  
Sarawak.

→ Perpustakaan  
Mahkamah Persekutuan  
Kuala Lumpur.

LAMPIRAN KEPADA

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 1999

1. Untuk melaksanakan arahan di dalam Pekeliling tersebut adalah disyorkan agar tindakan berikut dilaksanakan:
  - i. Setiap telefon bimbit ditanggalkan baterinya sebelum memasuki bilik perbincangan. Bateri berkenaan diberikan semula kepada pemilik telefon tersebut dan boleh dibawa masuk ke dalam bilik bicara;
  - ii. Set telefon (yang telah ditanggalkan baterinya) hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat (envelope) dan disimpan oleh pihak polis/pengawal di pintu masuk bilik bicara. (Diluar sampul surat tersebut hendaklah dicatitkan butir-butir berikut: Nama dan nombor kad pengenalan pemilik; masa mula disimpan; masa diambil balik dan tandatangan ringkas pemilik semasa mengambil balik telefon);
  - iii. Set telefon tersebut boleh dikembalikan kepada pemiliknya semasa beliau meninggalkan bilik bicara setelah menandatangani di ruang yang berkenaan di sampul surat berkenaan.
2. Langkah diatas hanyalah satu syor sahaja. Pihak mahkamah boleh melaksanakan cara lain yang berkesan setelah berunding dengan pihak polis/pengawal pintu masuk bilik bicara dan juga keadaan setempat.

Sekian.